




Semarak International Journal of Design, Built Environment and Sustainability

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijdbes/index>
ISSN: 3083-9025



Hiasan Rumah Adat Kaum Batak dalam Mempertahankan Identiti Budaya Suku Etnik Indonesia

Ornamentation of Traditional Batak Houses in Preserving the Cultural Identity of Indonesian Ethnic

Farhana Safar^{1,*}, Noor Azah Abdul Raman^{2,✱}

¹ Department of Design and Visual Communication, Polytechnic Ibrahim Sultan, KM10, Jalan Kong Kong 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia

² Department of Civil Engineering, Polytechnic Merlimau Melaka, KM2.5, Jalan Merlimau-Jasin, 77300 Merlimau, Melaka, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 21 April 2025

Received in revised form 29 April 2025

Accepted 18 May 2025

Available online 29 June 2025

ABSTRACT

Kajian ini meneroka kepentingan hiasan dalam seni bina warisan rumah adat kaum Batak di Sumatera Utara, Indonesia. Ia bertujuan untuk memahami peranan hiasan dalam memperkukuhkan identiti budaya dan estetika masyarakat kaum Batak. Tumpuan utama kajian adalah memfokuskan susun atur dan simbolisme hiasan yang terdapat pada rumah adat Batak dimana pemerhatian dilakukan terhadap pelbagai bentuk hiasan seperti ukiran kayu, sulaman benang, dan lukisan dinding yang mencerminkan keunikan seni bina tradisional ini. Kajian ini juga meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan hiasan termasuk kefungsiannya, nilai budaya, dan juga variasi tempatan. Pendekatan kualitatif digunakan dalam pengumpulan dan penganalisan data melalui pemerhatian lapangan sebagai data primer serta rujukan kepada sumber literatur sebagai data sekunder. Hasil kajian menunjukkan hiasan rumah adat kaum Batak memiliki keunikan tersendiri dan menggambarkan kepercayaan serta mitologi suku kaum Batak. Disamping itu, hiasan tradisional juga bukan hanya sekadar unsur estetika tetapi menyampaikan makna spiritual, sosial dan kosmologi. Kajian ini turut membandingkan hiasan rumah adat Batak dengan tradisi serumpun seperti Toraja dan Minangkabau. Selain itu, kajian juga membincangkan bagaimana modenisasi dan globalisasi mempengaruhi kesinambungan simbolisme ini serta kemungkinan integrasi elemen hiasan ke dalam reka bentuk seni bina kontemporari. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti dengan lebih mendalam peranan penghasilan hiasan dalam aspek ekonomi serta kaitannya dengan pembentukan identiti budaya. Di samping itu, penggunaan teknologi digital dalam merekod dan menganalisis hiasan rumah adat Batak juga disarankan bagi tujuan pendokumentasian dan pelestarian warisan. Dengan merangkumi elemen-elemen ini, kajian ini bukan sahaja memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap seni bina tradisional kaum Batak, tetapi juga membuka ruang kepada kajian lanjutan yang berpotensi untuk memperkukuhkan serta memelihara

* Corresponding author.

E-mail address: farhana.safar@pis.edu.my

✱ Corresponding author.

E-mail address: noorazah@pmm.edu.my

<https://doi.org/10.37934/sijdbes.3.1.3049>

warisan budaya yang berharga sebagai rujukan generasi akan datang dalam konteks seni bina Nusantara.

This study investigates the significance of ornamental elements in the architectural heritage of traditional Batak houses in North Sumatra, Indonesia. It seeks to elucidate the role of decorative practices in reinforcing cultural identity and aesthetic values within the Batak ethnic community. The research primarily focuses on the spatial arrangement and symbolic meaning of various decorative components such as wood carvings, embroidery, and wall paintings where observations were conducted on various forms of ornamentation which exemplify the distinctiveness of Batak vernacular architecture. This study also examines the factors influencing the use of ornamentation including functionality, cultural values, and local variations. This study adopts a qualitative methodology employing primary data gathered through field observations alongside secondary data sourced from relevant literature. Findings indicate that Batak house ornamentation is deeply embedded with unique cultural expressions, embodying the community's beliefs, cosmology, and ancestral mythology. Beyond aesthetic function, these decorative elements serve spiritual, social and symbolism purposes integral to the cultural narrative of the Batak people. Additionally, the research provides a comparative analysis of decorative traditions among culturally proximate ethnic groups namely, the Toraja and Minangkabau to highlight similarities and divergences in symbolic representation and preservation efforts. This study also critically examines the impact of modernization and globalization on the continuity and adaptation of Batak decorative traditions proposing the incorporation of traditional motifs into contemporary architectural practices. Future research is recommended to explore the economic dimensions of ornament production and its contribution to the development of cultural identity. Moreover, the application of digital technologies for the documentation and analysis of Batak house ornamentation is advocated as a means to support heritage preservation. Through these approaches, this study contributes to a deeper understanding of Batak traditional architecture and underscores the importance of safeguarding intangible cultural heritage within the broader context of Southeast Asian architectural discourse.

Keywords:

Warisan; rumah adat Batak; hiasan tradisional; simbolisme; modernisasi
Heritage; traditional Batak house; ornamentation; symbolism; modernization

1. Pengenalan

Rumah adat Batak dikenali sebagai Rumah Bolon merupakan warisan budaya yang kaya, mempunyai keunikan tersendiri serta mencerminkan nilai budaya dan kepercayaan masyarakat asal. Bagi suku Batak, rumah tradisional bukan sekadar tempat tinggal tetapi simbolik kepada hubungan antara manusia, alam dan entiti spiritual. Namun, dalam arus globalisasi dan pembangunan moden banyak rumah adat tradisional sudah tidak didirikan lagi atau hanya dijadikan tarikan pelancong tanpa pemahaman yang mendalam terhadap makna hiasan yang terdapat padanya. Ini menyebabkan berlakunya pencairan makna budaya serta kehilangan warisan seni bina visual yang unik. Kajian ini mengangkat elemen hiasan rumah adat Batak sebagai fokus utama dalam usaha memahami semula fungsi asal hiasan-hiasan tersebut dan menilai potensi penggunaannya dalam konteks seni bina kontemporari serta memelihara warisan budaya yang kompleks. Pemahaman yang mendalam mengenai susun atur dan simbolisme dalam hiasan rumah Batak adalah penting untuk mengekalkan warisan budaya ini. Batak yang merupakan salah satu suku yang hidup dan berkembang di Wilayah Sumatera Utara. Suku Batak terdiri dari, Batak Karo, Batak Toba, Batak Pakpak Dairi, Batak Mandailing, dan Batak Simalungun [1]. Rumah adat Batak adalah salah satu warisan budaya yang kaya di Indonesia dimana ia mempunyai seni bina yang unik dan dihiasi dengan indah, memberikan sumbangan penting dalam menjaga identiti budaya bagi masyarakat Batak itu sendiri. Walaupun begitu, tradisi ini menghadapi cabaran yang serius dalam era pemodenan yang pesat. Globalisasi, urbanisasi dan perubahan sosial telah memberikan tekanan yang besar terhadap kelestarian warisan budaya ini. Melalui kajian ini, kepentingan terhadap pemeliharaan tradisi seni bina rumah Batak serta maksud simbolik dari setiap hiasan yang digunakan dapat difahami secara mendalam. Kajian ini

bukan sekadar usaha untuk mengingat masa lalu, tetapi juga merupakan langkah proaktif untuk memastikan keberlangsungan budaya yang kaya dan berharga.

Beberapa penyelidikan terdahulu telah menyoroiti isu kelestarian warisan budaya dan seni bina tradisional. Sebagai contoh, penyelidikan yang lepas telah mengkaji kesan modenisasi dan simbolisme motif terhadap seni bina rumah adat Batak [2,3]. Walaubagaimanapun, pemahaman yang lebih mendalam tentang pemeliharaan tradisi dan simbolisme dalam hiasan rumah Batak masih diperlukan dalam menghadapi tekanan pemodenan. Kajian terhadap perletakan hiasan sebagai medium komunikasi budaya dan simbolisme dalam konteks seni bina tradisional serta adaptasi moden juga masih lagi terhad dimana ianya hanya tertumpu kepada penelitian dari aspek struktur, penggunaan ruang dan mitologi umum rumah adat Batak tetapi kurang memberi perhatian kepada elemen hiasan dan simbolisme secara mendalam. Jurang ini membuka ruang untuk penyelidikan yang lebih fokus terhadap perletakan, fungsi, variasi dan makna hiasan tradisional serta perbandingan lintas budaya dan potensinya dalam reka bentuk kontemporari. Kajian ini juga akan mengisi jurang pengetahuan dengan mengeksplorasi lebih lanjut mengenai aspek-aspek tersebut melalui pendekatan kualitatif, dengan menganalisis data primer dari pemerhatian lapangan rumah adat Batak serta data sekunder dari literatur yang relevan. Dengan demikian, kajian ini diharapkan dapat memperkuat pemahaman terhadap hubungan antara seni bina, simbolisme, dan budaya serta dapat memberikan sumbangan yang berharga dalam usaha melindungi dan mengekalkan warisan budaya yang kaya dan berharga ini bagi generasi akan datang. Kajian ini memfokuskan kepada rumah adat Batak Toba di kawasan Danau Toba terutamanya di Pulau Samosir. Hanya elemen hiasan visual dan simbolik dianalisis, tidak termasuk struktur binaan atau keseluruhan fungsi ritual. Penekanan juga diberikan kepada konteks budaya dan seni bina, bukan aspek linguistik atau keagamaan secara khusus.

Masyarakat Batak yang terletak di wilayah Sumatera Utara mempunyai warisan budaya yang kaya dengan sejarah dalam kebudayaan Indonesia. Masyarakat Batak dikenali dengan tradisi kekeluargaan yang kuat, kepercayaan spiritual serta seni dan budaya yang unik. Budaya Batak dapat dilihat dengan jelas dalam seni bina rumah mereka yang merupakan salah satu warisan budaya yang paling berharga di Indonesia. Rumah tradisional orang Batak bukan sahaja berfungsi sebagai tempat kediaman tetapi juga merupakan lambang identiti dan kebanggaan budaya mereka. Salah satu ciri khas yang paling menonjol pada rumah Batak adalah terletak pada hiasan di dinding serta atap dimana rekaannya adalah rumit dan unik. Hiasan ini tidak hanya dijadikan sebagai dekorasi semata-mata tetapi juga mempunyai nilai budaya dan simbolik yang mendalam. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelbagai kegunaan hiasan didalam senibina warisan rumah adat Batak yang mencerminkan nilai sejarah, budaya, atau keagamaan yang penting kepada masyarakat khususnya di luar negara Indonesia. Melalui kajian ini, perletakan dan peranan hiasan didalam rumah adat Batak serta kepentingan simboliknya dalam konteks budaya Batak dapat dikaji dengan lebih mendalam. Ia juga membantu menyediakan asas kepada reka bentuk kontemporari berasaskan warisan tempatan. Selain daripada itu, kajian ini turut memberi sumbangan kepada peningkatan ilmu warisan budaya dengan menambahkan dokumentasi berkenaan dengan hiasan tradisional yang semakin terpinggir, pengetahuan dalam seni bina dan reka bentuk melalui inspirasi kepada arkitek dan pereka untuk menghasilkan karya berasaskan nilai budaya tempatan. Tambahan pula, kajian ini akan menjadi asas pewujudan platform pelestarian digital bagi pembangunan pangkalan data visual atau model 3D yang boleh digunakan dalam pendidikan atau pelancongan dan kebudayaan. Dasar kebudayaan dan pendidikan juga turut terkesan dimana kajian ini dapat memberikan input kepada penggubal dasar dalam pembangunan pelan pelestarian warisan.

2. Kajian Literatur

2.1 Seni Bina Rumah Batak

Rumah adat Batak yang paling dikenali ialah Rumah Bolon, khasnya suku Batak Toba yang terletak di Sumatera Utara, Indonesia. Ciri-ciri senibinanya boleh dilihat daripada bentuk panggung dimana ia dibina di atas tiang kayu tinggi tanpa menggunakan paku untuk menghindari binatang buas dan kelembapan. Kaedah penyambungan kayu menggunakan teknik pasak memperlihatkan kehalusan teknologi pembinaan tradisional masyarakat Batak. Jadual 1 menerangkan komponen struktur Rumah Bolon serta perkaitannya dengan kosmologi Batak dan fungsi sosial.

Jadual 1


Struktur Rumah Bolon serta perkaitannya dengan kosmologi Batak dan fungsi sosial

Komponen	Makna Kosmologi	Fungsi Sosial
Jabu Ginjang (bumbung)	Dunia Atas (tempat dewa dan roh)	Menandakan kuasa dan perlindungan spiritual
Jabu Tonga (lantai utama)	Dunia Tengah (alam manusia)	Tempat tinggal keluarga dan aktiviti harian
Jabu Bona (bawah rumah)	Dunia Bawah (alam roh jahat dan nenek moyang)	Tempat simpanan hasil tani dan peliharaan

Rekabentuk atap rumah adat Batak yang melengkung menyerupai pelana kerbau dan mengarah ke bahagian timur dan barat bukan sahaja merupakan elemen estetik semata-mata tetapi melambangkan konsep dualisme serta keseimbangan kosmos dalam kepercayaan masyarakat Batak. Orientasi ini membawa makna spiritual yang mendalam serta menggambarkan hubungan antara alam semesta yang bertentangan tetapi saling melengkapi seperti siang dan malam, lelaki dan perempuan, serta hidup dan mati. Struktur utama dalam seni bina rumah adat Batak turut menekankan kekuatan warisan dan spiritual terutamanya melalui penggunaan tiang besar dan balok utama yang dikenali sebagai jabu. Elemen ini melambangkan kekuatan leluhur serta kesinambungan warisan nenek moyang suku Batak yang menjadi asas kepada struktur sosial dan keagamaan masyarakat tersebut. Susun atur ruang dalaman rumah pula berkonsepkan pelan terbuka yang menggambarkan falsafah komuniti dan keterbukaan dalam kehidupan seharian masyarakat Batak. Konsep ini diterjemahkan melalui kedudukan ruang yang tidak dipisahkan secara kekal membolehkan interaksi sosial yang lebih inklusif dan harmoni. Dalam pelaksanaannya, kedudukan tidur ketua keluarga terletak di bahagian belakang rumah yang dianggap sebagai kawasan paling suci dan dilindungi. Bahagian ini melambangkan pusat kekuasaan serta tempat perlindungan spiritual. Sebaliknya, tetamu lelaki biasanya ditempatkan berdekatan dengan pintu masuk sebagai simbol keterbukaan, keramahan, dan penghormatan terhadap tamu [4]. Seni bina rumah adat Batak turut menegaskan kepentingan pemeliharaan warisan budaya dalam konteks moden. Ini termasuk pemeliharaan elemen struktur dan simbolisme yang tetap dijaga meskipun masyarakat Batak kini menghadapi cabaran globalisasi dan urbanisasi [2]. Keunikan rumah tradisional Batak turut terserlah dalam penggunaan bahan binaan tempatan yang disesuaikan dengan keadaan geografi serta kepercayaan spiritual masyarakat setempat. Ini termasuk pemilihan kayu, bambu dan atap rumbia yang bukan sahaja tahan cuaca tetapi juga sarat dengan nilai simbolik dan ekologi.

Hiasan merupakan komponen penting dalam seni bina rumah adat Batak, bukan sekadar sebagai elemen dekoratif tetapi sebagai medium penyampai nilai dan falsafah budaya. Sejarah serta signifikansi budaya setiap hiasan yang digunakan memperlihatkan hubungan erat antara bentuk, fungsi, dan makna simboliknya [5]. Pemahaman terhadap latar belakang pembentukan hiasan ini menunjukkan bahawa setiap motif membawa makna tertentu yang berkait rapat dengan nilai-nilai tradisional, kepercayaan spiritual, dan amalan ritual masyarakat Batak. Kebanyakan hiasan pada

rumah adat Batak berbentuk geometri seperti lingkaran dan segitiga, dengan susunan simetri yang tinggi nilai estetikanya. Bentuk-bentuk ini mencerminkan seni dan budaya masyarakat Batak yang menekankan keseimbangan, ketertiban, dan harmoni antara manusia dan alam [6]. Hiasan tersebut tidak hanya mempercantikkan bangunan tetapi menjadi representasi visual kepada sistem nilai dan pemikiran kosmologikal masyarakatnya. Rumah adat Batak juga merupakan manifestasi nilai kosmologi yang terdiri daripada tiga alam, iaitu atas, tengah, dan bawah. Pembahagian ini digambarkan secara fizikal dalam struktur bangunan melalui tiga komponen utama iaitu Jabu Bona (lantai bawah) yang melambangkan dunia bawah atau Banua Toru melambangkan tempat roh dan dunia kegelapan, Jabu Tonga (lantai utama) sebagai tempat tinggal manusia mewakili dunia tengah yang penuh dengan aktiviti kehidupan dan Jabu Ginjang (bumbung atas) yang mewakili dunia atas iaitu tempat para dewa dan roh luhur bersemayam. Pembahagian ini menegaskan hubungan spiritual antara manusia dan kosmos menjadikan setiap ruang dan hiasan rumah sebagai pantulan dimensi simbolik dan keagamaan yang kuat. Setiap bahagian ruang ini mempunyai fungsi tersendiri selaras dengan simbolisme kepercayaan agama kuno Batak [7]. Rajah 1 menunjukkan gambaran komponen utama berkaitan simbolik kepercayaan agama etnik Batak.




Rajah 1. Pandangan Rumah Batak Karo [8]

Selain itu, terdapat pelbagai bentuk rumah adat Batak yang berbeza mengikut sub-etnik Batak di Sumatera. Walaupun setiap suku memiliki keunikan tersendiri dari segi reka bentuk dan bentuk bumbung, terdapat ciri-ciri umum yang dapat dikenalpasti seperti bentuk segi empat bangunan, ketinggian rumah sekitar 1.75 meter dari permukaan tanah, serta saiz pintu utama yang lazimnya sekitar 1.5 meter tinggi dan 80 cm lebar. Rekabentuk bumbung yang tinggi dan curam memainkan peranan praktikal iaitu memudahkan pengaliran air hujan secara cepat agar tidak bertakung sekaligus mengurangkan risiko kerosakan struktur akibat kelembapan. Tambahan lagi, bumbung rumah yang memanjang keluar dari dinding utama berfungsi untuk melindungi tingkap dan dinding daripada hujan serta memudahkan pengumpulan air sebagai bekalan rumah [8]. Ciri ini menunjukkan kecerdasan reka bentuk yang mengambil kira kelestarian dan keperluan harian komuniti. Dari sudut simbolik, pintu rumah adat Batak yang lebih kecil dan rendah turut mempunyai makna budaya tersendiri iaitu melambangkan kerendahan hati dimana setiap orang yang ingin masuk ke dalam rumah harus menundukkan kepala sebagai tanda hormat terhadap pemilik rumah dan semangat leluhur yang bersemayam di dalamnya.

2.2 Jenis-Jenis Hiasan pada Rumah Batak

Beberapa jenis hiasan yang biasa ditemui telah dikenalpasti pada rumah Batak dalam kajian yang lepas menyatakan bahawa hiasan pada rumah Batak sering kali melibatkan penggunaan motif-motif tradisional seperti naga, tumpal dan garis-garis geometri yang rumit dimana ia dipahat atau dicetak pada kayu [9]. Analisisnya memperlihatkan kepelbagaian rekabentuk yang unik dalam hiasan serta hubung kait dengan nilai-nilai budaya serta simbolisme masyarakat Batak. Rajah 2(a) menunjukkan ilustrasi perkaitan simbolisme kepercayaan budaya serta tata letak hiasan dan Rajah 2(b) menunjukkan jenis simbol rumah adat Batak. Semua jenis hiasan yang terdapat di rumah Batak mempunyai gaya, bahan, atau teknik tertentu dalam penghasilannya. Ini melibatkan pemerhatian mendalam terhadap satu gaya atau teknik hiasan yang dipilih, dengan meneliti sejarah dan kepentingan budaya hiasan tersebut [10]. Hiasan rumah adat batak yang sediaada di Pulau Samosir menunjukkan hiasan ukiran terdapat didalam dan luar rumah. Setiap ukiran mempunyai maknanya tersendiri dan kebanyakannya adalah mempunyai kaitan dengan cicak, ular dan kerbau. Merujuk kepada kajian yang lepas telah mengklafikasikan bahawa elemen ukiran haiwan adalah cicak cicak punya arti bertahan hidup dan rasa persaudaraan yang kuat dan tidak terputus, ular dikaitkan dengan kepercayaan penghuninya akan mendapatkan rezeki yang berlimpah dan bentuk kepala kerbau [11]. Selain dari itu, didalam rumah adat, ulos atau hiasan tekstil digantung di bahagian tengah ruang utama sebagai tanda penghormatan dan perlindungan. Ia digunakan untuk menyatukan makna sosial dan spiritual [12].



Rajah 2. Ilustrasi (a) Tata letak hiasan (b) Jenis simbol rumah adat Batak

2.3 Simbolisme dalam Seni Hiasan Batak

Simbolisme yang terdapat pada motif dalam seni hiasan rumah Batak merupakan satu penghuraian makna yang memperlihatkan kedalaman nilai budaya dan spiritual masyarakat Batak. Motif-motif yang digunakan dalam hiasan rumah adat bukan sekadar corak estetik sebaliknya membawa makna tersirat yang berkait rapat dengan kepercayaan, mitologi dan sistem nilai yang diwarisi sejak turun-temurun [3]. Setiap jenis motif yang digunakan memaparkan naratif budaya dan spiritual menjadikan hiasan rumah Batak sebagai medium komunikasi visual antara manusia dan


alam spiritual. Kajian literatur yang telah dilakukan memberikan gambaran komprehensif mengenai pelbagai jenis hiasan yang ditemui pada rumah adat Batak termasuk bentuk, warna dan teknik penghasilannya. Ia turut memperincikan pemahaman tentang nilai budaya yang terkandung dalam setiap motif dengan memperlihatkan bahawa setiap unsur hiasan memiliki maksud tersendiri yang mendalam. Contohnya, motif naga melambangkan kekuatan dan keberanian manakala motif tumpal melambangkan kelangsungan hidup dan kekayaan. Motif-motif geometri yang kompleks pula memperkukuh identiti budaya serta memperlihatkan sistem pemikiran dan struktur sosial masyarakat Batak.

Kepentingan unsur bahan, teknik khas dan alat yang digunakan dalam proses penghasilan hiasan turut menonjolkan nilai pertukangan yang tinggi dalam budaya Batak. Teknik pembuatan ukiran tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya malah mengandungi unsur ritual serta pengetahuan turun-temurun yang diwarisi secara tradisional [13]. Antara hiasan yang paling menonjol dalam rumah adat Batak ialah ukiran tradisional yang dikenali sebagai Gorga. Istilah Gorga merujuk kepada pola atau motif ukiran khas yang biasanya diterapkan pada struktur seperti rumah adat (Rumah Bolon), tiang, pintu, serta pelbagai barang kerajinan. Setiap motif Gorga memiliki makna simbolik dan spiritual yang mendalam. Sebagai contoh, Gorga Ulu Singa yang berbentuk kepala singa dan biasanya diletakkan di hujung atap berperanan sebagai pelindung rumah daripada gangguan makhluk halus. Gorga Simataniari iaitu motif matahari pula melambangkan kehidupan dan kesuburan yang menggambarkan dua elemen terpenting dalam sistem kosmologi Batak. Berdasarkan kajian yang terdahulu, buku ornamen rumah Batak telah mencatatkan sebanyak 24 jenis hiasan utama yang lazimnya ditempatkan di bahagian luar rumah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 [13]. Hiasan-hiasan ini bukan sekadar dekoratif, tetapi menggambarkan naratif mitologi dan nilai sosial yang penting dalam budaya Batak.

Dalam konteks Batak, setiap elemen dalam Gorga dari segi bentuk, warna, dan susun atur serta tata letak sesuatu hiasan bukan hanya sebagai simbol visual tetapi merupakan naratif budaya yang membawa makna kosmologis dan warisan spiritual. Misalnya, ukiran Gorga selalunya menggunakan tiga warna utama iaitu warna merah (horaspati) yang mewakili keberanian dan darah, warna putih (sionom) sebagai lambang kesucian dan semangat dan warna hitam (sihal) yang melambangkan kuasa roh nenek moyang. Ketiga-tiga warna ini melambangkan interaksi antara dunia manusia dengan alam roh dan diaplikasikan secara strategik di tiang dan dinding rumah. Contoh lain termasuk Gorga Ulu Paung yang berbentuk kepala kerbau atau singa dan diletakkan di puncak rumah sebagai penjaga utama yang menolak bala. Seterusnya, Gorga Boraspati ni Tano yang menggunakan motif cicak melambangkan fleksibiliti manusia serta kemampuannya untuk bertahan dalam kehidupan. Cicak turut dipercayai sebagai utusan roh, penghubung antara dunia manusia dan dunia halus. Gorga Simataniari, sebagaimana disebutkan sebelumnya pula menjadi perlambangan kepada kehidupan dan kesuburan yang berterusan. Penggunaan warna dan bentuk dalam Gorga adalah bersifat magis dan dipercayai mampu memberikan perlindungan terhadap roh jahat. Warna-warna ini tidak dihasilkan secara sintetik sebaliknya menggunakan bahan semula jadi seperti getah, tanah liat, arang, dan kapur [14].

Motif fauna dan kosmologi juga memainkan peranan besar dalam struktur hiasan Rumah Bolon. Contohnya, motif kerbau sering digunakan sebagai lambang kekuatan fizikal serta status sosial kerana kerbau digunakan dalam upacara penting seperti mangongkal holi iaitu ritual menggali tulang nenek moyang. Motif burung elang yang melambangkan dunia atas dan semangat juang memperkuat lagi hubungan rumah adat dengan sistem kepercayaan kosmologi. Selain itu, motif ular dan cicak dianggap sebagai simbol pelindung yang membawa pesanan daripada dunia roh. Perletakan motif-motif ini juga bersifat strategik selalunya di pintu masuk, atap rumah, atau dinding utama berdasarkan fungsi spiritualnya. Unsur tekstil seperti Ulos turut memainkan peranan dalam

hiasan dan simbolisme rumah Batak. Ulos bukan sekadar kain tenunan tradisional tetapi dianggap sebagai entiti hidup dalam struktur sosial dan spiritual Batak. Dalam konteks rumah adat, Ulos biasanya digantungkan di bahagian tengah rumah sebagai simbol perlindungan dan penghormatan kepada roh nenek moyang. Setiap jenis Ulos membawa makna yang tersendiri contohnya Ulos Ragidup digunakan dalam upacara perkahwinan sebagai simbol kemakmuran hidup manakala Ulos Sibolang digunakan ketika kematian sebagai lambang penghormatan terakhir [12]. Rekabentuk dan struktur rumah adat Batak itu sendiri turut mencerminkan konsep kosmologi yang kompleks. Atap rumah mewakili dunia atas atau alam spiritual, ruang tengah sebagai dunia manusia yang aktif dan sosial, manakala kolong rumah merujuk kepada dunia bawah, tempat haiwan dan roh bersemayam. Tambahan pula, masyarakat Batak menganggap struktur rumah sebagai perwujudan tubuh manusia iaitu atap mewakili kepala, ruang utama sebagai badan, dan tiang-tiang rumah sebagai kaki. Pandangan ini memperkukuh lagi makna spiritual dan simbolik rumah adat sebagai entiti hidup yang bersatu dengan identiti budaya dan kepercayaan masyarakat Batak.



- | | |
|----------------------------------|---------------------|
| 1. Ture-ture | 14. Santung-Santung |
| 2. Parhomhom | 15. ulu palung |
| 3. Dorpi jolo | 17. Basiha |
| 4. Sande-sande | 18. Ransang |
| 7. Tomboman adop-adop | 19. Batu-batu |
| 8. Songsong boltok | 20. Balatuk |
| 9. Halang gordang | 21. Parholip unjur |
| 10. Sitindangi | 23. Singa-singa |
| 11. Sijongjongi | 24. Adop-adop |
| 13. Pusu-pusi ni santung-santung | |

Rajah 3. Lakaran hiasan di rumah adat Batak (Toba)

2.4 Tradisi Serumpun: Perbezaan Seni Bina dan Hiasan diantara Rumah Batak, Toraja dan Minangkabau

Rumah adat di Indonesia mencerminkan kepelbagaian budaya dan keunikan warisan seni bina setiap suku kaum. Rumah Adat Batak, Toraja dan Minangkabau adalah antara yang paling ikonik dan kaya dengan makna simbolik. Walaupun ketiga-tiganya dibina dalam bentuk rumah panggung dan

memiliki fungsi sosial serta spiritual yang kuat, terdapat perbezaan ketara dalam bentuk seni bina, falsafah hiasan serta simbolisme budaya yang terkandung dalam setiap struktur. Rumah Batak ataupun Rumah Bolon menekankan keseimbangan kosmos dan perlindungan spiritual melalui ukiran gorga serta atap melengkung seperti pelana kerbau. Rumah Toraja (Tongkonan) pula menampilkan atap menyerupai perahu dan dihiasi dengan ukiran berwarna-warni yang menggambarkan status sosial serta hubungan dengan roh nenek moyang. Manakala, Rumah Minangkabau (Rumah Gadang) pula dikenali dengan atap menyerupai tanduk kerbau iaitu lambang kemenangan dan keagungan adat matrilineal yang berpaksikan nilai Islam. Perbezaan ini bukan sekadar pada bentuk fizikal, tetapi juga mencerminkan sistem kepercayaan, struktur sosial, dan nilai estetika yang unik bagi setiap masyarakat. Ketiga-tiga rumah ini menjadi lambang identiti budaya yang masih dihargai dan dilestarikan hingga hari ini.

Bagi memahami bagaimana hiasan berfungsi sebagai sistem tanda budaya pendekatan semiotik digunakan dalam kajian ini. Semiotik adalah kajian tentang tanda dan makna. Berdasarkan pentafsiran konteks budaya, elemen visual seperti hiasan di rumah adat boleh dianggap sebagai "teks budaya" yang membawa makna tersirat. Dalam konteks Batak, setiap bentuk, warna dan susun atur gorga bukan sekadar motif visual, tetapi mengandungi naratif budaya, kosmologi, dan nilai warisan. Menurut kajian yang lepas menyatakan bahawa tanda visual mempunyai denotasi (makna literal) dan konotasi (makna tersirat dalam konteks budaya) [16]. Sebagai contoh gorga boraspati secara literal bermaksud cicak tetapi dalam konteks budaya Batak, ia bermaksud kekuatan spiritual dan pelindung. Sistem tanda visual sentiasa terbuka untuk pelbagai tafsiran berdasarkan konteks sosial, sejarah, dan budaya [17]. Ini bermakna, pemahaman terhadap gorga berubah bergantung kepada generasi, lokasi dan fungsi sosial rumah adat tersebut.

2.4.1 Rumah adat Toraja

Rumah adat Toraja dikenali sebagai Tongkonan. Rumah adat ini kebanyakannya terletak di Sulawesi Selatan, Indonesia. Rumah ini direka dengan bentuk atap yang sedikit melengkung menyerupai perahu dan menjulang ke atas. Ia direka sebegitu untuk melambangkan hubungan diantara dunia spiritual dan nenek moyang. Selain itu, rumah ini juga biasanya dibina atas tiang tinggi, dengan orientasi hadapan rumah menghadap ke arah utara iaitu arah asal nenek moyang Toraja. Ia juga dibina dengan struktur yang bertingkat iaitu perlambangan kepada dunia atas (puang), dunia manusia (tengah), dan dunia bawah (bua). Rumah Tongkonan ini juga turut dihiasi dengan ukiran kayu yang berwarna merah, kuning, putih dan hitam iaitu warna-warna sakral yang dipercayai dalam kosmologi Toraja bermotifkan Pa'barre allo (matahari) melambang kehidupan, Pa'tedong (kerbau) mewakili status sosial, kemakmuran dan juga Pa'kandake yang bermotif tumbuhan dimana melambangkan kesuburan bagi masyarakat Toraja. Rumah Tongkonan juga berfungsi sebagai pusat identiti kaum dan tempat ritual keagamaan. Rumah ini merupakan simbol hubungan diantara dunia manusia dan roh leluhur. Perincian pada ukiran yang terdapat pada rumah ini menggambarkan salasilah keluarga, status sosial, dan kehormatan. Perletakan kerbau dan tanduknya yang dipamerkan pada bahagian hadapan rumah adalah merupakan lambang prestij dan pengorbanan dalam upacara kematian yang dikenali sebagai Rambu Solo'.


2.4.2 Rumah adat Minangkabau

Rumah adat Minangkabau dikenali sebagai Rumah Gadang. Kebanyakan rumah ini boleh didapati di Sumatera Barat, Indonesia. Diantara ciri-ciri ikonik yang utama pada rumah ini adalah pada rekaan di bahagian atap iaitu direka melengkung seperti tanduk kerbau yang melambangkan kemenangan

dan semangat juang masyarakat Minang. Rumah ini dibina memanjang dan luas bersesuaian untuk sistem matrilineal yang diwarisi dari zaman nenek moyang Minang dan juga dapat menampung banyak ahli keluarga. Dindingnya pula direka sedikit condong ke luar yang melambangkan keterbukaan dan demokrasi. Rumah ini dihiasi dengan ukiran kayu iaitu mengaplikasikan ukiran Minang yang bermotifkan flora dan fauna seperti itik pulang petang, kucing lalok, dan pucuk rabuang atau tunas rebung. Penggunaan warna emas, merah, hitam pula membawa maksud kemuliaan, kekuatan, dan keabadian bagi masyarakat Minang. Rumah Gadang merupakan simbolisme kepada ibu dan keturunan. Bagi masyarakat Minang warisan diperturunkan kepada anak perempuan. Motif hiasan yang terdapat pada rumah ini pula mencerminkan falsafah adat basandi syarak, syarak basandi Kitabullah iaitu adat bersandarkan agama. Dari sudut struktur rumah ini pula, ia menggambarkan hierarki sosial dan adat seperti ruang tetamu, dapur, dan bilik berdasarkan peranan ahli keluarga. Rajah 4(a) menunjukkan ilustrasi seni bina Rumah Batak, Rumah Toraja dan Rumah Minangkabau dan Rajah 4(b) menunjukkan ilustrasi tata letak gorga dan perbezaan motif diantara tiga budaya serumpun di Nusantara.



(a)



(b)

Rajah 4. Ilustrasi (a) Seni bina Rumah Batak, Rumah Toraja dan Rumah Minangkabau (b) Tata letak Gorga dan perbezaan motif diantara tiga budaya

Rumah Batak, Toraja dan Minangkabau masing-masing mencerminkan keunikan seni bina tradisional yang kaya dengan nilai simbolik, spiritual dan budaya. Jadual 2 menunjukkan perbezaan elemen - elemen diantara Rumah Batak, Rumah Toraja dan Rumah Minangkabau. Rumah Batak menonjolkan keseimbangan kosmos dan perlindungan melalui ukiran gorga dan lebih menekankan fungsi spiritual dan perlindungan roh melalui simbol binatang dan kosmologi dalam hiasan berbanding dengan hiasan pada rumah Toraja yang lebih menekankan status dan ritual kematian ataupun Minangkabau yang memfokuskan kepada peranan sosial wanita, adat matrilineal serta keharmonian sosial melalui seni visual. Rumah Toraja menggambarkan hubungan erat dengan nenek moyang serta status sosial melalui bentuk dan hiasan atapnya yang khas. Rumah Minangkabau pula menekankan adat matrilineal dan nilai Islam dalam struktur serta ukiran yang penuh makna. Persamaan dalam pengaplikasian hiasan diantara ketiga-tiga rumah adat ini adalah dengan mengekalkan elemen simbolik dalam seni bina sebagai refleksi identiti budaya yang menjadi lambang identiti etnik untuk memperkukuh jati diri bangsa dan perlu terus dilestarikan sebagai warisan budaya Nusantara.

Jadual 2

Perbezaan Rumah Batak, Rumah Toraja dan Rumah Minangkabau

Elemen Simbolik	Rumah Batak	Rumah Toraja	Rumah Minangkabau
Rumah Adat	Rumah Bolon	Tongkonan	Rumah Gadang
Struktur kosmos	Tiga bahagian dunia (atas, tengah, bawah)	Tiga bahagian dunia – struktur kosmologi yang jelas	Tiga bahagian dunia, lebih fleksibel
Atap	Pelana kerbau (dualisme)	Perahu (spiritual)	Tanduk kerbau (perjuangan & adat)
Orientasi dan ruang Hiasan	Pelan terbuka, komunal Gorga magis (fauna & kosmologi), warna tradisional	Utara (asal nenek moyang) Ukiran flora / fauna dan tanduk kerbau	Terbuka dan demokratik Motif geometri / Flora
Fungsi budaya / Simbolisme	Pelindung roh, spiritual, tempat tinggal	Rumah upacara, warisan suku/kaum	Keeimbangan sosial, struktur keluarga matrilineal, adat & agama
Warna Utama	Merah, hitam, putih	Warna sakral Toraja (coklat, hitam, emas)	Coklat, kuning, merah

2.5 Pelestarian Warisan Budaya Batak dalam Era Digital

Cabaran dan peluang dalam pelestarian seni bina rumah Batak dalam era digital adalah meliputi kepentingan adaptasi terhadap perkembangan teknologi dan globalisasi dalam rangka melestarikan warisan budaya yang berharga [18]. Ianya amat penting bagi memastikan nilai-nilai budaya ini dapat menjadi rujukan kepada generasi akan datang. Usaha pelestarian usaha tanpa henti dalam memperkenalkan warisan budaya kepada masyarakat setempat dan luar negara [19]:

- i. Mempelajari budaya masyarakat Batak.
- ii. Menyertai kegiatan yang dianjurkan masyarakat Batak.
- iii. Memperkenalkan budaya Batak di peringkat antarabangsa.
- iv. Memperkenal bidang muzik tradisional dan seni tari.
- v. Mengeksport produk kesenian Batak.

Kini, penyelidik-penyelidik telah menyahut cabaran menggunakan teknologi Augmented Reality (AR) sebagai memberikan gambaran terhadap jenis alat musik tradisional batak toba menggunakan

platform android [20]. Aplikasi ini mempunyai suara yang mewakili setiap alat muzik untuk memudahkan pengguna mengenal dengan lebih terperinci jenis-jenis alat muzik. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat generasi moden untuk mendapat gambaran lebih jelas berdasarkan adat Batak.

2.6 Pengaruh Tradisi dan Modernisasi dalam Hiasan Rumah Batak


Impak modernisasi terhadap seni hiasan rumah tradisional Batak telah dibincangkan oleh kajian yang lepas meliputi penelitian terhadap tradisi dan modernisasi adalah saling berinteraksi dalam penggunaan motif-motif tradisional dalam hiasan rumah Batak [21]. Setiap unsur yang terdapat pada hiasan bukanlah sekadar hiasan semata-mata tetapi juga merupakan ungkapan dari kepercayaan, tradisi, dan sejarah serta nilai budaya masyarakat Batak [22]. Variasi dalam penggunaan dan interpretasi hiasan yang dihasilkan adalah berbeza diantara puak-puak Batak bergantung kepada lokasi kawasan penempatan meraka [15]. Perbezaan pada hiasan di rumah Batak boleh dilihat terutamanya pada gaya, bahan yang digunakan, atau teknik tertentu. Proses penghasilan dan penggunaan sesuatu hiasan juga berbeza dan ianya merujuk kepada identiti sesuatu puak atau kawasan Batak.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang elemen-elemen visual dan simbolik rumah adat terutamanya hiasan pada rumah tradisional Batak. Pendekatan ini membolehkan kajian dijalankan secara terperinci merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan gaya, bahan, atau teknik hiasan tertentu. Ia juga membolehkan penyelidik meneliti secara holistik elemen budaya yang kompleks dan bersifat kontekstual. Metodologi kajian ini juga memfokuskan pemerhatian di lapangan dalam kajian seni bina warisan terhadap struktur rumah adat dan lokasi hiasan melalui pendokumentasian secara visual iaitu ilustrasi digital terhadap ukiran (gorga), susun atur rumah dan fotografi. Pemerhatian rumah adat batak adalah merujuk di kawasan Pulau Samosir, Sumatera, Indonesia yang masih mengekalkan rumah adat Batak seperti Rumah Bolon dan variasi lainnya berdasarkan kriteria penilaian senibina terhadap nilai sejarah, budaya dan agama, memahami fungsi bangunan setelah mengalami arus pemodenan dan memahami peranan masyarakat dalam menjaga bangunan warisan. Selain itu, kajian literatur dilakukan bagi mengumpul maklumat mengenai sejarah, budaya serta peranan sesuatu hiasan yang digunakan. Ini melibatkan penelitian pada kajian terdahulu seperti artikel jurnal, buku dan sumber-sumber lain yang berkaitan. Kerja lapangan juga dijalankan untuk melihat serta melakukan pemerhatian terperinci rumah tradisional Batak. Pemilihan kaedah pengumpulan data ini adalah bertujuan membolehkan analisis dilakukan secara langsung terhadap susun atur dan penempatan simbolik hiasan rumah adat seterusnya membolehkan penciptaan katalog ilustratif sebagai bahan analisis semiotik dan perbandingan.

Pemerhatian ini membantu untuk memahami secara langsung bagaimana hiasan tersebut diaplikasikan dalam konteks sebenar rumah Batak. Seterusnya, data yang diperolehi dari kajian literatur dan pemerhatian akan dianalisis. Analisis semiotik digunakan didalam kajian ini dimana ia membantu dalam menganalisis elemen visual (gorga, motif fauna, warna), mentafsir denotasi (makna literal) dan konotasi (makna budaya) bagi setiap simbol serta menstruktur dapatan kajian melalui pengenalanpastian corak, gaya, dan makna bagi sesuatu hiasan. Selain itu, pendekatan kepada perbandingan budaya juga turut digunakan dalam kajian ini dimana ia dapat membandingkan aspek fungsi, struktur, dan simbolik hiasan dalam ketiga-tiga budaya iaitu Batak, Toraja dan Minangkabau. Justeru itu, metodologi ini membolehkan penyelidik untuk mendalami secara menyeluruh tentang

hiasan tertentu dalam rumah Batak, melalui pendekatan yang holistik dan terperinci. Rajah 5 menunjukkan carta alir dalam pengumpulan data bagi kajian penyelidikan ini.



Rajah 5. Carta alir metodologi kajian

4. Analisis Data dan Perbincangan


Melalui kajian ini, hiasan rumah Batak memainkan peranan yang penting dalam memperkuat identiti budaya dan kebanggaan masyarakat Batak. Penghuraian dapatan kajian yang berkenaan dengan simbolisme dan peranan hiasan dalam rumah adat Batak dibincangkan merangkumi tiga tumpuan utama iaitu fungsi dan susun atur hiasan dalam konteks seni bina rumah adat Batak. Kedua, makna dan simbolisme hiasan gorga, motif dan struktur ukiran dan yang ketiga melalui perbandingan antara budaya Batak, Toraja, dan Minangkabau dari aspek pelestarian, fungsi dan makna simbolik hiasan.

4.1 Struktur Hiasan dan Perletakan dalam Rumah Adat Batak

Pelbagai jenis hiasan yang digunakan dalam seni bina rumah Batak telah dikenalpasti termasuk hiasan yang bermotifkan naga, tumpal dan geometri serta teknik-teknik ukiran dan sulaman yang rumit. Selain daripada itu, perletakan hiasan juga adalah berbeza mengikut suku/puak Batak. Ia boleh dilihat melalui perbezaan gaya serta teknik penghasilan sesuatu hiasan seperti ukiran kayu yang rumit, sulaman benang yang halus, serta lukisan dinding yang mengagumkan. Biasanya hiasan gorga sering kali ditemukan pada bahagian dinding, tiang, dan palang rumah. Ia berfungsi sebagai pelindung terhadap roh jahat dan juga sebagai simbol kekuatan dan keberanian. Sementara simbol fauna seperti cicak, kerbau, dan burung pula digunakan untuk mewakili leluhur, kesuburan, dan kekuasaan

dipahat pada bahagian tangga dan pelantar. Ulos pula digantung di ruang utama sebagai simbol penghormatan. Keunikan setiap jenis hiasan dan cara penghasilan ukiran juga menyumbang kepada estetika dan identiti rumah Batak seperti ukiran kayu yang rumit menunjukkan hasil kerja tangan yang berkualiti tinggi sementara sulaman benang pula menggambarkan kelembutan serta ketelitian. Hiasan pada rumah adat Batak juga disusun atur mengikut kosmologi Batak yang membahagikan rumah kepada tiga bahagian iaitu bahagian atas (Jabu Ginjang), bahagian tengah (Jabu Tonga) dan bahagian bawah (Jabu Bona). Hiasan gorga ulu paung yang bermotifkan ukiran naga iaitu singa mitos akan diletakkan di bumbung dan hujung atap rumah pada bahagian atas (Jabu Ginjang) sebagai pelindung dari roh jahat. Masyarakat Batak juga mempercayai hiasan tersebut dapat menjaga spiritualiti rumah yang membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran bagi penghuninya. Bahagian tengah (Jabu Tonga) pula merupakan kawasan utama kehidupan harian dimana hiasan adalah paling banyak ditemui pada bahagian ini.

Hiasan gorga berbentuk cicak (boraspati ni tano) dan ular naga (naga morsarang) diletakkan pada dinding, tiang utama, dan pintu. Ia berfungsi sebagai perlambangan kepada kecekalan, kebijaksanaan, dan menjadi penghubung dengan dunia bawah. Dalam kepercayaan Batak, roh nenek moyang dipercayai menjelma dalam bentuk cicak yang bergerak di antara ruang kehidupan. Naga dalam budaya Batak bukan hanya makhluk mitos tetapi penjaga ilmu pengetahuan dan berfungsi sebagai pelindung rumah dari gangguan spiritual dan simbol kekuatan. Ia mempunyai persamaan dengan mitos naga di budaya Toraja sebagai pelindung roh semasa ritual rambu solo. Ini menunjukkan refleksi budaya masyarakat Batak bahawa kehidupan harian mereka sentiasa dilingkungi oleh simbol yang menjadi perisai daripada gangguan halus dan melambangkan nilai kolektif. Hiasan jarang diletakkan pada bahagian bawah (Jabu Bona), namun dalam beberapa kes ia dihiasi dengan motif tanah, akar, dan air untuk menggambarkan kesuburan. Rajah 6 menunjukkan lokasi perletakan hiasan pada rumah adat Toba di Pulau Samosir berdasarkan kosmologi masyarakat Batak. Berdasarkan pemerhatian di lapangan juga, terdapat perbezaan hiasan yang ketara daripada dua jenis rumah batak. Rumah batak mempunyai hiasan dan ukiran terperinci adalah menunjukkan status sosial pemiliknya iaitu ketua atau raja manakala rumah yang mempunyai hiasan lebih ringkas menunjukkan rumah yang dimiliki oleh keluarga yang sederhana. Rajah 7 hingga Rajah 9 menunjukkan dua rumah batak di mana jenis (a) adalah menunjukkan pemilik mempunyai status tinggi sebagai raja manakala jenis (b) di miliki oleh keluarga besar jenis sederhana.



Rajah 6. Tata letak hiasan pada rumah adat berdasarkan kosmologi masyarakat Batak



(a)



(b)

Rajah 7. Pandangan hadapan fasad Rumah Batak di Pulau Samosir (a) Pemilik mempunyai status tinggi sebagai raja (b) Di miliki oleh keluarga besar jenis sederhana



Rajah 8. Hiasan bahagian sisi Batak di Pulau Samosir (a) Pemilik mempunyai status tinggi sebagai raja (b) Di miliki oleh keluarga besar jenis sederhana



Rajah 9. Hiasan bahagian luar Batak di Pulau Samosir (a) Pemilik mempunyai status tinggi sebagai raja (b) Di miliki oleh keluarga besar jenis sederhana

4.2 Simbolisme Gorga: Makna dan Fungsi

Diantara faktor yang mempengaruhi penggunaan sesuatu hiasan ialah kefungsiannya, budaya setempat dan juga simbolisme. Gorga ialah motif hiasan Batak yang diukir pada struktur kayu menggunakan alat tradisional, kemudian diwarnakan dengan tiga warna utama iaitu merah, hitam dan putih. Pemilihan dan penggunaan tiga warna utama tersebut memainkan peranan penting dan juga memberi makna simbolik yang tertentu iaitu warna merah melambangkan semangat dan tenaga hidup, hitam mewakili dunia roh dan perlindungan sementara warna putih melambangkan kesucian dan keseimbangan. Simbol dan motif Batak tidak boleh difahami secara literal. Gorga adalah lambang naratif sejarah, nilai adat dan metafora kehidupan. Ia juga merupakan ekspresi visual kosmologi Batak yang berakar dalam animisme dan kepercayaan nenek moyang. Kebanyakan rumah Batak

mempertimbangkan fungsi tata letak hiasan seperti keperluan untuk melindungi struktur rumah dari cuaca. Selain itu, ia juga dipengaruhi oleh budaya tempatan dan juga menyatakan simbolik disebalik motif hiasan. Terdapat variasi dalam reka bentuk dan hiasan mengikut marga, lokasi geografi, dan juga fungsi rumah. Rumah suku Batak Toba mempunyai hiasan ukiran yang lebih kompleks dan hiasan banyak menggunakan motif gorga naga. Berbeza dengan rumah suku Batak Karo yang memfokuskan kepada lukisan dinding berwarna cerah dan mempunyai lebih sedikit ukiran. Manakala rumah suku Batak Simalungun lebih banyak menggunakan hiasan yang diperbuat daripada benang dan tenunan, mewakili elemen matrilineal.

Dapatan menunjukkan bahawa simbolisme juga menjadi penanda sosial dan status dalam masyarakat Batak. Tambahan pula, kepelbagaian dan pengaruh setempat juga memainkan peranan penting yang menunjukkan gaya serta teknik yang berbeza dari penempatan suku/puak Batak yang berlainan di Sumatera Utara. Jadual 3 menunjukkan variasi tempatan dan evolusi simbol berdasarkan kepada suku Batak. Variasi ini membuktikan fleksibiliti motif Batak, walaubagaimanapun dokumentasi visual yang standard diperlukan untuk tujuan pelestarian. Melalui pendekatan ini, kajian ini memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang kepelbagaian dan juga kompleksiti hiasan rumah Batak serta hubungannya dengan konteks budaya, sosial, dan kedudukan geografi. Penemuan dan analisis ini menggariskan kepentingan dan maksud yang terdapat pada hiasan rumah Batak seterusnya memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang warisan budaya yang kaya dan berharga ini. Penemuan dan analisis ini memberikan gambaran yang komprehensif tentang penggunaan hiasan dalam rumah Batak serta faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Jadual 3

Perbandingan variasi tempatan dan evolusi simbol berdasarkan kepada suku Batak

Wilayah	Keunikan Simbolik	Bahan	Penyesuaian
Toba	Simbol naga & matahari	Kayu keras & cat semula jadi	Diadaptasi ke logo rasmi daerah
Karo	Gaya lebih geometrik & ringkas	Kayu lembut & warna cerah	Banyak digunakan dalam tenunan
Simalungun	Simbol berbentuk spiral & flora	Dihias dengan benang dan kain	Digabungkan dalam fesyen moden

4.3 Perbandingan dengan Budaya Toraja dan Minangkabau

Melalui analisis kajian literatur mendapati bahawa Batak, Toraja, dan Minangkabau berkongsi elemen hiasan rumah sebagai alat pelindung dan penanda identiti, namun berbeza dari segi bentuk, bahan, dan kosmologi. Ketiga-tiga budaya ini menggunakan hiasan pada rumah adat sebagai alat ekspresi identiti, namun pendekatan mereka sangat berbeza. Walaupun berbeza, tetapi semua budaya menggunakan hiasan sebagai alat komunikasi budaya, adat dan kepercayaan. Jadual 4 menunjukkan perbandingan hiasan dan dekorasi mengikut budaya dalam konteks seni bina Nusantara.

Jadual 4

Perbandingan hiasan dan dekorasi mengikut budaya

Aspek	Batak	Toraja	Minangkabau
Simbol Utama Fungsi	Gorga, fauna & kosmologi Pelindung spiritual & identity Hiasan mencerminkan kepercayaan animisme	Tanduk kerbau, motif sulur Status sosial & symbol ritual kematian	Motif flora, atap melengkung Identiti adat matrilineal & warisan
Lokasi Hiasan	Tiang, bumbung, dinding	Atap, fasad rumah	Fasad rumah, perabot dalaman

Elemen visual	Ukiran kayu berwarna terang	Ukiran geometri pada tongkonan	Hiasan sulaman emas & kayu
Evolusi moden	Digabung dalam seni bina kontemporari melalui seni hias dalaman	Diadaptasi pada galeri dan muzium	Digunakan dalam pelancongan budaya dan hiasan rumah moden

4.4 Penyesuaian Kontemporari: Pengaruh Modernisasi dan Globalisasi

Hiasan rumah Batak bukan sahaja berperanan sebagai hiasan semata-mata tetapi juga mencerminkan budaya, sejarah dan mengandungi maksud simbolik yang tersirat. Ini dibuktikan melalui analisis kajian literatur yang menunjukkan bahawa motif naga melambangkan kekuatan dan perlindungan sementara motif tumpal pula melambangkan kelangsungan hidup serta kekayaan. Pemerhatian terhadap proses pembuatan hiasan juga menunjukkan hasil kerja berkualiti tinggi diperlukan untuk mencipta sesuatu hiasan rumah Batak dimana tradisi ini telah diwarisi dan bertahan selama berabad lamanya. Terdapat perbezaan yang ketara pada seni bina tradisional jika hiasan tradisional disesuaikan atau diinterpretasi semula pada rumah Batak moden. Penggunaan hiasan dalam projek pembinaan baru atau renovasi menunjukkan terdapat kecenderungan penggabungan elemen-elemen tradisional dengan reka bentuk moden terutamanya pada penggunaan motif-motif tradisional terutamanya gorga dalam rekabentuk fasad dan ruang dalaman rumah serta dalam teknik pembinaan yang disesuaikan untuk memelihara warisan seni bina Batak. Arkitek dan pereka dalaman Batak kontemporari juga menyatakan bahawa terdapat minat yang meningkat dalam mempertahankan warisan budaya melalui penggunaan hiasan tradisional dimana elemen tradisional digabungkan dalam reka bentuk rumah moden.

Walaupun demikian, terdapat juga cabaran dalam menyesuaikan elemen tradisional dengan keperluan dan juga tren reka bentuk moden. Dalam mendepani cabaran dan peluang dalam menyelamatkan warisan budaya dalam konteks moden, beberapa isu penting telah dikenalpasti. Ini termasuk cabaran untuk memastikan kelestarian warisan budaya dalam pembangunan yang pesat serta peluang untuk memanfaatkan teknologi moden bagi mempromosikan kesedaran dan pemeliharaan warisan budaya. Selain itu, penggunaan motif gorga yang dijadikan corak batik secara komersil tanpa konteks budaya turut memberi ancaman terhadap keaslian motif apabila tiada penerapan nilai atau naratif asal. Melalui analisis ini, disimpulkan bahawa walaupun terdapat cabaran untuk mengekalkan warisan budaya dalam konteks moden terdapat juga peluang untuk menghargai serta memperkukuhkan identiti budaya masyarakat Batak dalam seni bina moden dimana seni bina kontemporari dalam masyarakat Batak diperkenalkan. Manual panduan motif dan arkib digital juga perlu diwujudkan secara kolaboratif bersama komuniti tempatan sebagai Langkah strategik untuk menjaga nilai budaya yang berharga ini. Rumah adat Batak bukan hanya ruang tinggal, tetapi ruang simbolik yang memperlihatkan struktur spiritual dan sosial masyarakat Batak. Hiasan yang terdapat pada rumah adat mempunyai makna mendalam yang berfungsi sebagai penghubung antara dunia nyata dan roh. Walaupun globalisasi memberi peluang untuk pelestarian melalui adaptasi moden, garis panduan untuk menjaga keaslian nilai budaya perlu diwujudkan. Dengan adanya kajian ini menunjukkan keperluan untuk pendekatan lintas bidang diantara seni bina, antropologi, dan teknologi dalam pelestarian warisan budaya.

5. Kesimpulan

Kajian ini menghasilkan pemahaman yang mendalam tentang hiasan dalam rumah Batak serta memaparkan betapa pentingnya elemen-elemen ini yang merangkumi perletakan simbol, fungsi spiritual dan sosial, variasi tempatan, serta adaptasi dalam konteks modenisasi dalam

memperkokuhkan identiti budaya dan estetika masyarakat Batak. Selain itu, ia dapat mengangkat semula kepentingan budaya dan nilai-nilai yang terkandung dalam hiasan-hiasan ini. Melalui analisis terperinci terhadap pelbagai jenis hiasan serta faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya, kajian ini telah menggariskan kepelbagaian dan kompleksiti warisan seni bina Batak. Penemuan kajian menunjukkan bahawa hiasan rumah Batak bukan sekadar dijadikan sebagai hiasan semata-mata tetapi juga membawa maksud budaya, sejarah, dan simbolik yang mendalam masyarakat Batak itu sendiri. Ia juga mendapati bahawa hiasan bukan sekadar ornamen seni tetapi merupakan manifestasi sistem nilai, kepercayaan kosmologi dan identiti kolektif masyarakat Batak. Pengaruh luar termasuk globalisasi dan komersialisasi mewujudkan tekanan terhadap kesinambungan nilai asal namun juga membuka ruang kepada inovasi lestari yang berpaksikan warisan.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, hiasan berfungsi sebagai penanda kosmologi dan identiti masyarakat Batak dengan menjadi penghubung diantara dunia manusia dan dunia spiritual sejajar dengan konsep Jabu Ginjang, Jabu Tonga dan Jabu Bona. Ia juga menjadi lambang identiti etnik Batak dalam nusantara yang memperlihatkan naratif kolektif dan sejarah panjang yang diwarisi turun temurun. Kepelbagaian motif hiasan berdasarkan sub-etnik Batak iaitu Toba, Karo, Simalungun dan Mandailing mencerminkan keupayaan budaya untuk berdaptasi tanpa kehilangan nilai teras melalui perbezaan dalam pemilihan warna, bentuk motif dan media hiasan yang dipengaruhi oleh kedudukan geografi, sumber alam dan interaksi sejarah dengan pengaruh luar membuktikan dinamisme budaya variasi lokal. Kepelbagaian ekspresi dalam budaya serumpun boleh dilihat melalui perletakan dan juga pengaplikasian hiasan pada binaan rumah adat. Hiasan rumah adat Batak berbeza daripada budaya Toraja dan Minangkabau dari aspek motif dan tata letak. Namun, ketiga-tiga budaya ini mengekalkan peranan simbolik dalam mendefinisikan struktur sosial dan spiritual yang menterjemahkan nilai budaya dalam bentuk visual dan juga ruang binaan.

Pengkajian tentang penggunaan hiasan tradisional dalam konteks rumah Batak moden juga memperlihatkan perbezaan pendekatan dalam mempertahankan warisan budaya, dengan menggabungkan elemen-elemen tradisional dengan reka bentuk moden. Modenisasi telah menyedarkan tentang nilai hiasan gorga dalam seni bina kontemporari namun juga mencetuskan komersialisasi berlebihan yang mengabaikan kesucian makna tersirat disebalik hiasan tersebut. Dalam konteks ini, terdapat cabaran dan peluang dalam menyelamatkan warisan budaya Batak dalam era moden. Pembangunan pelancongan budaya yang tidak sensitif terhadap naratif tempatan juga boleh menyebabkan kehilangan warisan itu sendiri. Namun, dengan kesedaran yang tinggi dan kerjasama yang berterusan antara pelbagai pihak termasuk arkitek, pereka, dan komuniti tempatan, warisan budaya ini dapat dikekalkan dan dihargai dalam pembangunan yang pesat.

Selain itu, kajian ini juga menyediakan landasan untuk penyelidikan lanjutan. Contohnya, kajian lanjutan tentang perkembangan penggunaan hiasan rumah Batak dalam konteks globalisasi moden atau kajian persepsi masyarakat terhadap identiti budaya Batak dalam konteks pelaksanaan hiasan kontemporari. Dengan mengekalkan kesedaran tentang pentingnya warisan budaya ini, kelestarian dan penghormatannya dalam pembangunan masa depan dapat dipastikan. Dengan demikian, kajian ini bukan hanya memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang seni bina tradisional Batak tetapi juga memberi dorongan untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang ini dengan harapan untuk memperkokuhkan dan memelihara warisan budaya yang berharga bagi generasi akan datang.

Pengakuan

Penyelidikan ini tidak dibiayai oleh sebarang geran.

Rujukan

- [1] Sinurat, Hasian Napitu¹ Sunggul Gultom² Anggiat, and Ulung Napitu. "Melestarikan Multikulturalisme Budaya Kesenian Simalungun Di Era Digitalisasi." (2023).
- [2] Sinaga, T. "Kesan Modernisasi Terhadap Arsitektur Rumah Adat Batak." *Jurnal Arsitektur Nusantara* 5, no. 2 (2018): 45–58.
- [3] Siregar, A. "Simbolisme Motif dalam Seni Hiasan Rumah Batak." *Majalah Budaya Batak* 12, no. 4 (2016): 112–125.
- [4] Sitindjak, Ronald Hasudungan Irianto, Laksmi Kusuma Wardani, and Diana Thamrin. "Form and meaning of Batak Toba house ornaments." *Advanced Science Letters* 22, no. 12 (2016): 4050-4053. <https://doi.org/10.1166/asl.2016.8170>
- [5] Simbolon, R. "Sejarah dan Kepentingan Budaya Motif Sulaman dalam Seni Hiasan Rumah Batak." *Majalah Kajian Budaya Batak* 8, no. 3 (2019): 55–68.
- [6] Aulia, Anggita, Kaisah Romadoni Harahap, Veronika Simangunsong, Della Malnaria Br Sinulingga, and Ratu Bulqish Indriani. "Patterns of Harmony: Geometric Proportions in Traditional Batak Clan House Designs." *Jurnal Pendidikan Tambusai* 7, no. 3 (2023): 31585–31589.
- [7] Saragih, J. T. A., M. N. Loebis, and D. Lindarto. "Space in Batak Karo House: a Phenomenology Architecture Study." In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, vol. 452, no. 1, p. 012002. IOP Publishing, 2020. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/452/1/012002>
- [8] Saragih, R. "Pelestarian Seni Bina Rumah Batak di Era Digital." In *Prosiding Konferensi Nasional Seni dan Budaya*, 23–30. 2020.
- [9] Hanan, Himasari, and Surjamanto Wonorahardjo. "The architecture of Batak Toba: an expression of living harmoniously." *NAKHARA (Journal of Environmental Design and Planning)* 8, no. 1 (2012): 11-22.
- [10] SITUMORANG, Agusti Deasari. "Kedudukan Hukum Penggugat terhadap Hak Menguasai Harta Waris Rumah Peninggalan (Studi Putusan Nomor 257/PDT/2019/PT Mdn)."
- [11] Kusumo, B. "Pengkajian Gaya Hiasan Kayu pada Rumah Batak." *Jurnal Seni Dekorasi* 15, no. 2 (2020): 30–45.
- [12] Tampubolon, Rines Onixy. "Hohomion Na Tolu." *Jurnal Seri Tari* 10, no. 2 (October 2017). <https://doi.org/10.24821/joged.v10i2.1885>
- [13] Harahap, S. "Analisis Proses Pembuatan Motif Ukiran pada Rumah Batak." *Jurnal Seni Tukang Kayu* 12, no. 1 (2018): 18–30.
- [14] Hutapea, Asfika Yogi. "Upacara Mangokal Holi pada Masyarakat Batak di Huta Toruan, Kecamatan Banuarea, Kota Tarutung Sumatera Utara." *Humanis* 11, no. 2 (2015): 1-7.
- [15] Simanjuntak, A. "Penggabungan Elemen Tradisional dalam Arsitektur Rumah Batak Modern: Tinjauan Terhadap Proyek Pembinaan Baru." In *Prosiding Konferensi Arsitektur Nusantara*, 35–42. 2019.
- [16] Barthes, Roland, Annette Lavers, and Colin Smith. *Elements of semiology*. London: Cape, 1967.
- [17] Eco, Umberto. *A theory of semiotics*. Vol. 217. Indiana University Press, 1979.
- [18] Saragih, Dearma A., Yulianto Yulianto, and Raimundus Pakpahan. "KAJIAN ORNAMEN GORGA DI RUMAH ADAT BATAK TOBA (Studi Kasus: Di Kawasan Desa Wisata Tomok, Huta Siallagan dan Huta Bolon Di Kabupaten Samosir)." *Alur* 2, no. 1 (2019): 1-14. <https://doi.org/10.54367/alur.v2i1.368>
- [19] Saragih, Selamat Triadil. "Upaya melestarikan budaya simalungun di era digitalisasi." *JEBIT MANDIRI-Jurnal Ekonomi Bisnis Dan Teknologi* 2, no. 1 (2022): 43-48.
- [20] Pakpahan, Marianus, and Johan Johan. "APLIKASI PENGENALAN JENIS ALAT MUSIK TRADISIONAL SUKU BATAK TOBA MENGGUNAKAN AUGMENTED REALITY BERBASIS ANDROID." *Jurnal Mahasiswa Aplikasi Teknologi Komputer dan Informasi (JMApTeKsi)* 5, no. 2 (2023): 129-137.
- [21] Situmorang, P. "Ornamentasi Rumah Batak: Pengaruh Tradisi dan Modernisasi." *Jurnal Kajian Budaya* 8, no. 1 (2017): 78–91.
- [22] Simanjuntak, A. "Perbandingan Penggunaan Motif Tenunan Tradisional di Antara Suku Batak Toba dan Suku Batak Karo." *Jurnal Antropologi Budaya* 9, no. 2 (2017): 67–80.